

Kefahaman dan Amalan dalam Berakidah: Kajian Terhadap Pelajar Diploma Semester Akhir, UiTM Pahang

*Asjad Mohamed
Muhammad Muzakkir Othman
Mohd Hafiz Abdul Wahab
Normilia Abd Wahid
Sharifah Norhuda Syed Wahid*

ABSTRAK

Akidah merupakan tunjang yang berperanan melahirkan individu yang mempunyai keyakinan tinggi kepada Allah s.w.t, seterusnya mampu membentuk jiwa yang tenang dan rohani yang seimbang dengan amalan hidup dan tingkah laku. Keruntuhan nilai akidah dalam diri seseorang boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan diri dan masyarakat. Kekuatan akidah harus dikuasai oleh setiap individu muslim termasuk para pelajar bagi membersihkan mental, spritual dan fizikal daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak Islam. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kefahaman berakidah di kalangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang. Kajian ini menyentuh beberapa aspek utama dalam akidah seperti pengertian akidah, kepentingannya, asas-asas akidah atau rukun-rukun iman, perkara-perkara yang merosakkan akidah dan kaedah pengukuhanannya. Kaedah pengumpulan data dan maklumat dengan menggunakan borang soal selidik telah diaplikasi melibatkan pelajar semester akhir diploma dari Gugusan Sains Sosial Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap perkara asas akidah adalah baik dengan purata melebihi 4.00. Selain itu, hasil kajian juga mendapati tahap kefahaman pelajar adalah sama tanpa mengira jantina atau aliran yang diambil semasa di sekolah menengah. Oleh yang demikian, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan idea kepada pihak pentadbiran, Hal Ehwal Pelajar dan Akademik ke arah merangka aktiviti dan program yang bersesuaian bagi memantapkan akidah para pelajar serta meningkatkan amalan berakidah ke tahap yang lebih baik.

Kata Kunci : *Kefahaman, amalan, akidah dan Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang*

Pengenalan

Islam tidak dapat dipisahkan dengan istilah Iman. Ini kerana Islam merupakan agama yang dibina atas dasar keimanan serta keyakinan kepada Allah s.w.t serta diperkukuhkan dengan pegangan terhadap rukun iman yang meliputi keimanan kepada Allah, malaikat, rasul, kitab, hari akhirat serta qada' dan qadar. Kesemua rukun iman tersebut merupakan asas utama akidah bagi seseorang muslim yang mana sebarang penolakan terhadap konsep akidah dan keimanan tersebut akan merosakkan keislaman seseorang individu.

Tinjauan Kajian Lepas

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh pengkaji terdapat banyak rujukan yang berkaitan dengan permasalahan akidah dan antaranya buku hasil tulisan Ann Wan Seng (2009). Dalam buku tersebut beliau menjelaskan bahawa isu ataupun masalah murtad di kalangan masyarakat Islam termasuk remaja menjadi semakin kronik dan parah. Tambahnya lagi, permasalahan akidah berpunca dari pelbagai faktor yang dihadapi oleh umat Islam sama ada faktor berbentuk dalaman mahupun luaran.

Antara faktor dalaman yang menyebabkan berlakunya kejadian murtad adalah kelemahan umat Islam sendiri yang menghadapi masalah dan krisis akidah yang amat serius kerana kurangnya pemahaman, penghayatan serta pengamalan terhadap ajaran Islam khususnya bab akidah. Permasalahan ini juga terjadi disebabkan oleh sistem pendidikan yang lebih menjurus kepada pembangunan jasmani berbanding kerohanian. Kesannya, pendidikan yang berorientasikan sekularisme telah melahirkan umat Islam yang rapuh akidah, rendah akhlak serta sanggup melakukan apa sahaja walaupun bercanggah dengan prinsip agama. Oleh itu, proses dakwah serta pemantapan akidah sama ada melibatkan peringkat sekolah, institusi pengajian

tinggi (IPT), masyarakat, badan kerajaan mahupun swasta perlu dilakukan secara konsisten dan bukan hanya bermusim lebih-lebih lagi apabila umat Islam diserang dari segenap penjuru melalui serangan-serangan pemikiran, ajaran sesat dan sebagainya.

Sidek Baba (2010), tatkala menyentuh persoalan berkaitan dengan isu-isu remaja turut menyatakan peri pentingnya seseorang remaja menguatkan serta mengukuhkan jati diri mereka dengan akidah serta keimanan yang jitu kepada Islam dengan kembali menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas pegangan hidup. Antara asas akidah yang ditekankan oleh beliau adalah perlunya seseorang remaja beriman dengan sepenuh keimanan kepada perkara-perkara ghaib seperti syurga, neraka, dosa, pahala, qada' dan qadar. Ghaib menurutnya, bukan bermakna tiada bahkan perkara ghaib adalah sesuatu yang wujud malah ia menjadi suatu keyakinan bagi orang Islam.

Seseorang yang tidak mempunyai akidah tidak akan ada asas yang menghubungkan dirinya dengan perkara ghaib dan tiadalah asas penciptaan. Akidah juga membina keyakinan manusia bahawa Allah bersifat *Rahman* dan *Rahim* terhadap hamba dan makhlukNya. Melalui akidah manusia percaya bahawa Allah tiada sekutu melainkan Dia Yang Maha Esa. Melalui keyakinan yang jelas inilah akan menjadikan remaja menghindarkan diri dari melakukan sesuatu perbuatan yang bercanggah dengan hukum Islam terutamanya perkara yang melibatkan dosa dan maksiat. Natiyah daripada kegersangan akidah tersebut akan menjadikan seseorang yang terlibat dalam urusan kehidupan mereka tidak bersifat amanah, melakukan rasuah serta salah guna kuasa kerana merasakan perbuatan tersebut bukanlah suatu kesalahan. Tetapi akidah serta keimanan manusia kepada Allah menyebabkan manusia mempunyai benteng yang memandunya ke arah jalan yang baik serta menjauhi yang sebaliknya.

Berdasarkan tinjauan tersebut, pengkaji mendapati belum ada kajian khusus yang membincangkan tentang persoalan akidah di kalangan remaja terutamanya pelajar UiTM Pahang. Justeru, kajian ini akan memberikan suatu input baru dan maklumat berkaitan pengetahuan serta penguasaan informasi berkenaan akidah di kalangan mereka seterusnya dijadikan sebagai kayu ukur untuk melaksanakan program-program keagamaan khususnya di peringkat UiTM Pahang.

Pengertian Akidah

Akidah dari segi bahasa ialah ikatan. Ia membawa maksud suatu ikatan yang dapat menghubungkan seseorang hamba dengan penciptanya. Akidah juga bermaksud percaya dan yakin dengan kebenaran kewujudan, keesaan, keagungan serta kekuasaan Allah s.w.t dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w yang terkandung dalam dua kalimah syahadah dan tersurat dalam rukun iman (Abdul Rahman Rukaini, 2002). Manakala dari segi istilah ialah suatu amalan yang menembusi hingga ke dalam hati sanubari serta menguasai pancaindera, keinginan dan perasaan (Al-Qaradhawi, 1993).

Daripada pengertian di atas dapat dirangkaikan bahawa tunjang keimanan ataupun akidah seseorang muslim adalah dua kalimah syahadah yang mana syahadah yang pertama merupakan simbolik keyakinan terhadap keesaan Allah Ta'ala yang wajib disembah. Manakala syahadah kedua pula sebagai asas keyakinan terhadap kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Di dalam syahadah pertama terkandung pengertian iman kepada asma' (nama-nama) dan sifat Allah s.w.t, *rububiyah* dan *uluhiyyah* Allah s.w.t. Manakala dalam syahadah kedua pula mengandungi kepimpinan Rasulullah s.a.w sebagai *qudwah* (teladan) dan *uswah hasanah* (contoh terbaik) (Abdul Rahman Rukaini, 2001).

Kesimpulannya, akidah atau iman adalah suatu asas kepercayaan yang utama bagi seseorang insan yang bergelar muslim. Melalui asas akidah dan iman inilah seseorang itu akan dapat mengenal hakikat kejadiannya yang telah dicipta oleh Allah s.w.t, Tuhan sekalian alam. Bahkan Allah jualah yang telah mengutuskan RasulNya, Nabi Muhammad s.a.w untuk menerangkan dan mengajar seluruh umat manusia tentang asas-asas akidah yang lain seperti keimanan kepada kitab, Rasul, hari kiamat serta *qada'* dan *qadar* yang terangkum kesemuanya sebagai Rukun Iman.

Kepentingan Akidah Bagi Seorang Muslim

Memang tidak dapat disangkal dan dinafikan lagi bahawa akidah ataupun iman adalah asas dan benteng kekuatan yang utama dalam jiwa seorang muslim. Tanpanya, hidup seseorang akan mudah terpesong dan tergelincir bahkan mungkin terkeluar daripada agama Islam iaitu murtad. Dewasa ini, kita sering kali terbaca

malah melihat sendiri tentang kepincangan dan kelemahan akidah yang telah melanda umat Islam. Cara ataupun langkah untuk merawat penyakit kerapuhan akidah tersebut ialah dengan memberi pendidikan serta pengajaran yang sistematik sehinggalah akidah seseorang insan menjadi benar-benar kukuh dan tidak mudah diganggu gugat atau dirosakkan oleh anasir-anasir luar.

Rukun Iman Dalam Konteks Akidah Seorang Muslim

Islam adalah agama yang *syumul* iaitu lengkap serta meliputi semua bidang kehidupan sama ada *duniawi* ataupun *ukhrawi*. Akidah seseorang muslim akan menjadi mantap sekiranya didokong oleh keimanan yang jitu kepada enam asas dalam rukun Iman iaitu keimanan kepada Allah, Rasul, Kitab, Malaikat, Hari Akhirat dan *Qada'* dan *Qadar*. Sebagai seorang Islam, kita wajib mengimani kesemua rukun iman tersebut. Sesiapa yang kufur atau tidak percaya dengan satu rukun daripada rukun tersebut akan menjadi kufur (Abd. Hadi Awang, 1985).

Pertamanya keimanan kepada Allah akan melahirkan seorang hamba yang sentiasa mengabdikan dirinya semata-mata untuk beribadat kepada *Khaliqnya* (penciptanya) dalam segenap skop kehidupan sama ada cara hidup, berekonomi, kerjaya, politik, pentadbiran, pemerintahan negara dan sebagainya. Lantaran itu, Allah s.w.t telah mengingatkan hambaNya dalam firman yang bermaksud:

Maka barangsiapa yang kufur dengan taghut dan beriman dengan Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang dengan simpulan yang kuat. (Al-Baqarah: 256)

Selain itu, beriman kepada Allah s.w.t juga akan memberikan kesan yang positif di dunia dan di akhirat (Ustazi b. Othman, 2008). Antara kesan positif daripada keimanan kepada Allah s.w.t ialah:

1. Iman merupakan punca atau penyebab kehidupan seseorang individu muslim menjadi baik, jiwa semakin tenteram dan bahagia. Kenyataan ini telah diterangkan dalam firmanNya yang bermaksud: *Barangsiapa yang mengerjakan amal saleh, baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya Kami akan berikan kepadanya kehidupan yang baik. Dan sesungguhnya Kami akan beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.* (al-Nahl : 97)
2. Kesan yang paling besar adalah mereka akan mendapat keredaan Allah s.w.t dengan dianugerahkan syurga yang mengandungi segala nikmat kesenangan yang kekal abadi. Junjangan besar Nabi Muhammad s.a.w telah menerangkan tentang kelebihan-kelebihan mereka yang bersaksikan keesaan Allah s.w.t melalui pengucapan kalimah syahadah sebagaimana hadisnya yang bermaksud: *Tidaklah seseorang bersaksi bahawa tiada sesuatu yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah hamba dan utusanNya secara jujur daripada dalam hatinya, kecuali Allah mengharamkan dirinya daripada neraka.* (HR al-Bukhari dan Muslim)

Rukun kedua ialah keimanan kepada malaikat iaitu beriman dengan mempercayai bahawa malaikat adalah sejenis makhluk Allah s.w.t yang tidak pernah menderhaka setiap perintah dan suruhanNya serta sentiasa melakukan apa yang diperintahNya. Gambaran ini dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Tahrim.

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan. (al-Tahrim: 6)

Setiap muslim wajib mengimani kewujudan para malaikat walaupun tidak dapat dibuktikan dengan pandangan tetapi hanya iman sahaja yang mampu meyakinkannya. Terdapat banyak daripada ayat al-Quran yang menyentuh berkaitan para malaikat (al-Jazairi, 1986). Antaranya:

Maksud firman Allah s.w.t:

Barangsiapa yang kafir kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari Kemudian, Maka Sesungguhnya orang itu telah sesat sejauh-jauhnya. (al-Nisa': 136)

Ketiganya, beriman kepada Rasul. Al-Quran telah menerangkan serta mengemukakan banyak dalil tentang beriman dengan rasul. Antaranya firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarah:

Maksudnya:

Rasul telah beriman kepada al Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membeda-bedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat." (mereka berdoa): "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkau lah tempat kembali." (al-Baqarah : 285)

Beriman kepada rasul ialah mempercayai bahawa Allah telah memilih di antara manusia beberapa orang sebagai wakil atau utusanNya. Para rasul bertugas menyampaikan ajaran Allah yang diterima melalui wahyu kepada seluruh manusia serta memimpin manusia ke jalan yang lurus untuk mendapat kejayaan di dunia dan akhirat (Abdul Aziz Ismail, 2006). Kita wajib mengimani kebenaran para rasul tersebut meliputi kitab-kitab yang diberikan kepada mereka dan mukjizat yang dimiliki mereka adalah untuk meneguhkan seruan serta menyokong kebenaran mereka.

Rukun iman yang seterusnya adalah beriman kepada kitab-kitab yang telah diturunkan oleh Allah Ta'ala kepada rasul-rasulNya. Beriman dengan kitab-kitab Allah ialah dengan mempercayai kitab-kitab yang diturunkan Allah kepada Rasul-rasulnya untuk mengetahui perkara-perkara yang hak dan batil, halal dan haram dan juga mengandungi beberapa ajaran dan peringatan yang diwahyukan Allah kepada para rasulNya untuk menyinari alam dengan sinaran tauhid (Said Ibrahim, 1995). Antara dalil al-Quran yang menunjukkan kewajipan beriman dengan kitab sebagaimana terkandung dalam surah al Nisa':

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, tetapkanlah beriman kepada Allah dan rasul-Nya dan kepada Kitab yang Allah turunkan kepada rasul-Nya serta Kitab yang Allah turunkan sebelumnya. barangsiapa yang kafir kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari Kemudian, Maka Sesungguhnya orang itu telah sesat sejauh-jauhnya. (al-Nisa': 136)

Dalam konteks ini, kita wajib mengimani bahawa terdapat empat kitab utama yang wajib setiap mukallaf mengetahui dan beriman kepadanya. Kenyataan ini dapat diperkukuhkan dengan sebuah hadis Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud:

(Iaitu) hendaklah engkau beriman kepada Allah s.w.t, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, hari akhirat dan beriman kepada qadar (takdir), yang baik mahupun yang buruk. (HR Muslim)

Antara kitab-kitab yang wajib kita imani adalah empat iaitu Taurat diturunkan kepada Nabi Musa a.s dengan bahasa qibti, Injil diturunkan kepada Nabi Isa a.s dengan bahasa Siryani, Zabur kepada Nabi Daud a.s dengan menggunakan bahasa Ibrani dan Al Quran diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dengan bahasa Arab. Namun, Allah s.w.t telah menerangkan kepada kita dalam al Quran bahawa kitab daripada Yahudi dan Nasrani telah diubah dan tidak lagi sama seperti waktu diturunkan Allah s.w.t. Ini terkandung dalam surah al Nisa':

Maksudnya:

Iaitu orang-orang Yahudi, mereka mengubah perkataan dari tempat-tempatnya. Mereka Berkata: "Kami mendengar", tetapi kami tidak mahu menurutinya dan (mereka mengatakan pula): "Dengarlah" sedang kamu sebenarnya tidak mendengar apa-apa. Dan (mereka mengatakan): "Raa'ina", dengan memutar-mutar lidahnya dan mencela agama. Sekiranya mereka mengatakan: "Kami mendengar dan menurut, dan dengarlah, dan perhatikanlah kami", tentulah itu lebih baik bagi mereka dan lebih tepat, akan tetapi Allah mengutuk mereka, kerana kekafiran mereka. Mereka tidak beriman kecuali iman yang sangat tipis. (al-Nisa': 46)

Rukun Iman yang kelima adalah beriman kepada hari Kiamat. Menurut Abdul Fatah Haron (2002) beriman kepada hari kiamat ialah kita meyakini bahawa hari kiamat yang tidak ada lagi hari lain selepas itu. Pada hari itu manusia dibangkitkan dari kubur mereka untuk hidup kekal sama ada menerima azab di dalam neraka atau mendapat nikmat Allah Ta'ala di dalam syurga. Kenyataan berkaitan hari kiamat ini telah dinyatakan oleh Allah dalam banyak petikan ayat al-Quran antaranya:

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang mukmin, orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani dan orang-orang Shabiin, siapa saja di antara mereka yang benar-benar beriman kepada Allah, hari Kemudian dan beramal saleh, mereka akan menerima pahala dari Tuhan mereka, tidak ada kekhawatiran kepada mereka, dan tidak (pula) mereka bersedih hati. (al-Baqarah:62)

Kesan keimanan kepada hari kiamat ataupun akhirat ini akan melahirkan individu muslim yang benar-benar meyakini tentang balasan setiap perbuatan sama ada baik ataupun buruk yang dilakukan di atas muka bumi. Ini secara tidak langsung dapat menjadikan seseorang itu berhati-hati serta beringat sebelum melakukan sesuatu perbuatan kerana beliau akan meletakkan neraca keimanan untuk menilai perbuatan sama ada mendapat pahala ataupun dosa.

Rukun Iman yang terakhir adalah beriman kepada *qada'* dan *qadar*. Beriman kepada *qada'* dan *qadar* ialah seseorang itu mempercayai bahawa Allah s.w.t adalah Tuhan Yang Maha Esa untuk menentukan dan mengatur sesuatu yang ada di alam ini dengan kebijaksanaan dan kehendakNya tanpa diganggu oleh sebarang kuasa.

Dikemukakan beberapa dalil al-Quran yang menerangkan berkaitan *qada'* dan *qadar* sebagaimana firmanNya:

Maksudnya:

Katakanlah: "Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu. Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup dari yang mati, dan Engkau keluarkan yang mati dari yang hidup dan Engkau beri rezeki siapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab(batas)". (Ali Imran: 26-27).

Kesimpulannya, kita sebagai seorang Islam wajib mengimani kesemua rukun Iman kerana ia merupakan asas utama dalam akidah. Kesan buruk seandainya tidak mengimani atau mempercayainya akan menyebabkan akidah seseorang akan tercalar dan boleh membawa kepada terkeluar daripada Islam.

Perkara-perkara Yang Merosakkan Akidah

Iman seseorang muslim boleh berkurang dan bertambah. Ia bergantung kepada sejauhmana seseorang mempersiapkan dirinya untuk menjadi hamba Allah yang sentiasa melakukan kebaikan serta menghindari segala maksiat dan dosa. Bahkan iman dan akidah seseorang juga boleh rosak atau terbatal akibat melakukan beberapa perkara. Antara perkara yang boleh merosakkan akidah ialah:

Pertama: Syirik

Syirik ialah mempersekutukan Allah s.w.t. Antara perbuatan syirik ialah berdoa dan meminta pertolongan kepada orang-orang yang telah mati, bernazar dan menyembelih kurban untuk sesuatu tujuan pemujaan.

Kedua: Riddah (Murtad)

Murtad bermakna kembali kepada kekufuran setelah memeluk Islam. Ijmak ulama menyatakan bahawa seseorang muslim yang ingkar terhadap segala hukum-hakam Allah adalah menjadi murtad iaitu kufur setelah Islam kecuali beliau benar-benar jahil. Tetapi sekiranya selepas diberitahu dan diterangkan, beliau masih tetap dengan keingkaran maka beliau dihukum kafir dan murtad (Abdul Hadi Awang, 1985).

Kaedah Pengukuhan Akidah Dan Keimanan Kepada Allah.

Banyak kaedah dan cara untuk memperkukuhkan akidah serta keimanan kepada Allah s.w.t. Antaranya, mengembalikan kehidupan kepada landasan akidah dan syariat Islam. Mencorakkan budaya dan cara hidup masyarakat dengan cara Islam kerana masyarakat merupakan tempat pembentukan generasi muda.

Selain itu, perlu diadakan pelbagai aktiviti seperti kursus motivasi untuk meningkatkan kesedaran ibadah terutamanya solat dan *zkrullah* di kalangan generasi muda. Begitu juga masyarakat perlu memainkan peranan, bersama-sama berganding bahu untuk membendung pengaruh negatif budaya luar. Di samping itu, pendokong masyarakat terutamanya ibu bapa, guru dan media berusaha menjadikan diri atau organisasi masing-masing sebagai contoh teladan kepada generasi muda dalam mengamalkan keimanan yang mantap terhadap Allah dan RasulNya.

Kaedah Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar semester akhir bagi gugusan sains sosial di Universiti Teknologi MARA Pahang terdiri daripada 87 pelajar bahagian lima dan 257 pelajar bahagian enam bagi semester Jun-Okttober 2013. Jumlah keseluruhan responden kajian adalah 334 orang.

Borang soal selidik telah diedarkan kepada kesemua responden berkenaan yang mengandungi dua bahagian, A dan B. Bahagian A mengandungi soalan perihal maklumat peribadi responden, manakala Bahagian B memfokuskan kepada kefahaman dan amalan beragama yang menjurus kepada akidah seorang muslim berjumlah 20 perkara. Perkara-perkara ini kebanyakannya adalah berkaitan rukun iman yang merupakan asas akidah. Kesemua perkara ini telah menggunakan skala Likert bermula dari 1 (sangat tidak setuju) kepada 5 (sangat setuju).

Data yang telah diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21.0 melalui kaedah analisis deskriptif dan ujian-t bagi membuat perbandingan.

Hasil Kajian

Seperti tertera di Jadual 1, seramai 334 pelajar semester akhir Universiti Teknologi MARA Pahang terdiri daripada pelajar bahagian lima dan enam telah terlibat dalam kajian ini di mana 110 (31.98%) daripadanya adalah lelaki dan 234 (68.02%) adalah perempuan.

Jadual 1: Profil Responden

Perkara	Kekerapan (%)
Jantina	
Lelaki	110 (31.98)
Perempuan	234 (68.02)
Umur	
17 – 19 tahun	1 (0.30)
20 – 22 tahun	315 (94.31)
23 tahun dan lebih	28 (8.38)
Program	
Diploma Perakaunan	63 (18.86)
Diploma Pengurusan Perniagaan	115 (34.43)
Diploma Pengurusan Perniagaan (Perbankan)	79 (23.65)
Diploma Pengurusan Teknologi Pejabat	87 (26.04)
Bahagian	
Lima	87 (26.05)
Enam	257 (77.95)
Aliran Sekolah Menengah	
Agama	81 (24.25)
Konvensional (Bukan agama)	253 (75.75)
Penilaian Asas Fardhu Ain	
Lulus	327 (97.90)

Gagal	7 (2.10)
Kemahiran Membaca Al-Quran	
Lemah	21 (6.29)
Sederhana	171 (51.20)
Baik	142 (42.51)

Kajian telah menfokuskan kepada pelajar gugusan sains sosial yang melibatkan empat program pengajian diploma yang berbeza iaitu program Diploma Pengurusan Perniagaan, diikuti dengan Diploma Pengurusan Teknologi Pejabat, Diploma Pengurusan Perniagaan (Perbankan) dan Diploma Perakaunan. Jadual 1 juga menunjukkan bahawa 251 (75.75%) pelajar adalah lepasan sekolah aliran konvensional dan bakinya seramai 81 (24.25%) adalah lepasan sekolah aliran agama. Jika dilihat kepada prestasi pelajar semasa penilaian asas fardhu ain sewaktu alam persekolahan, terdapat juga di kalangan mereka yang gagal dalam penilaian tersebut dengan 2.10%. Walaupun peratusannya kecil, namun perkara ini perlu dipandang serius kerana penilaian tersebut hanya memfokuskan kepada perkara asas. Seterusnya, kemahiran membaca al-Quran menunjukkan 42.51% (142) pelajar baik dalam bacaan manakala hanya 6.29% (21) yang lemah dalam bacaan al-Quran.

Jadual 2: Analisis Deskriptif

No.	Perkara	Min	Sisihan Piawai
1	Rukun iman ada 5 perkara dan saya mengingati kesemuanya	2.24	1.700
2	<i>Asma' al-Husna</i> ialah himpunan 99 nama-nama Allah Ta'ala	4.81	0.567
3	Saya ingat kesemua sifat 20 Allah s.w.t.	3.90	0.811
4	Allah S.W.T tidak beranak dan tidak diperanakkan	4.80	0.740
5	Nabi merupakan manusia yang terpelihara dari dosa	4.62	0.868
6	Nabi Muhammad S.A.W merupakan nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah s.w.t.	4.90	0.389
7	Saya mengingati kesemua sifat-sifat yang wajib bagi seorang nabi	4.07	0.855
8	Saya percaya bahawa al-Quran merupakan kalam Allah s.w.t.	4.87	0.427
9	Saya mengetahui kesemua kitab yang wajib diimani	4.08	0.927
10	Kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Ibrahim	2.75	1.226
11	Saya beriman bahawa malaikat merupakan makhluk Allah yang sentiasa taat kepada perintah Allah s.w.t.	4.57	0.869
12	Saya tahu asal-usul penciptaan malaikat adalah daripada api	3.70	1.617
13	Setiap orang Islam wajib meyakini tentang kewujudan hari kiamat.	4.83	0.603
14	Saya tahu dan percaya manusia akan dikumpulkan di padang <i>Mahsyar</i> untuk dihitung segala amalan	4.86	0.448
15	Saya berasa takut dan insaf bila mendengar cerita tentang azab neraka	4.74	0.581
16	Saya berasa tenang dan gembira bila mendengar tentang nikmat syurga	4.82	0.526
17	Saya percaya segala perkara dan kejadian telah ditentukan oleh Allah s.w.t.	4.88	0.383
18	Saya menerima dengan redha segala qada' dan qadar Allah s.w.t.	4.81	0.456
19	Hanya Islam merupakan agama yang benar.	4.90	0.369
20	Menafikan hukum menutup aurat adalah wajib boleh membatalkan akidah.	3.99	1.375
Keseluruhan		4.36	0.335

Jadual 2 menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap kesemua elemen yang terkandung di dalam bahagian akidah. Setiap elemen yang dikaji adalah perkara asas dan aspek utama dalam memahami agama Islam. Berdasarkan kepada 20 perkara yang diajukan kepada setiap pelajar, secara keseluruhannya didapati bahawa tahap kefahaman pelajar mengenai asas akidah adalah baik dengan purata keseluruhan adalah melebihi atau menghampiri 4.00. Namun begitu, jika dilihat kepada setiap perkara didapati terdapat

dua perkara (perkara pertama dan 20) pelajar tidak pasti dan tidak memahami dengan jelas terutamanya perkara paling asas iaitu tentang jumlah rukun iman. Seperti dinyatakan sebelum ini bahawa rukun iman merupakan asas akidah seseorang beragama Islam. Abd. Hadi Awang (1985) menyatakan bahawa seseorang yang beragama Islam wajib mengimani kesemua rukun Iman, namun akan menjadi kufur sekiranya tidak percaya walaupun dengan satu rukun daripada rukun tersebut. Seterusnya ujian-t dilakukan bagi mengetahui perbandingan tahap kefahaman pelajar dalam perkara asas akidah di antara jantina dan aliran yang diambil sewaktu sekolah menengah. Hasil analisis menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam kefahaman pelajar mengenai ilmu akidah di antara responden lelaki dan perempuan, juga tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan aliran persekolahan sebelum ini. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar adalah sama tanpa mengira jantina atau aliran persekolahan mereka.

Penutup

Meskipun didapati peratusan pelajar yang tidak memahami dengan baik beberapa asas akidah adalah rendah tetapi kelemahan ini sepatutnya tidak berlaku di kalangan individu muslim kerana ia adalah persoalan yang sangat asas dan boleh menyebabkan terbatalnya akidah seseorang jika mengabaikannya. Sebagai contoh; perkara pertama berkenaan jumlah rukun iman, terdapat pelajar yang masih tidak pasti mengenai bilangannya. Di samping perkara 20, di mana segelintir pelajar tidak pasti bahawa menafikan hukum menutup aurat adalah wajib boleh membatalkan akidah seseorang muslim. Akidah dan iman adalah asas serta benteng yang utama dalam jiwa seorang muslim. Tanpanya hidup seseorang akan mudah terpesong dan tergelincir bahkan mungkin terkeluar daripada agama Islam iaitu murtad. Antara sebab kemunduran umat adalah kerana kelemahan akidah umat Islam yang mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang terpesong. Berdasarkan kepada hasil kajian, pihak UiTM Pahang khususnya perlu lebih proaktif dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti keagamaan yang lebih berkesan, dengan harapan para pelajar akan lebih mengambil berat terhadap perkara-perkara asas akidah. Ini dapat membantu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah seterusnya menghasilkan warganegara yang berkualiti.

Rujukan

- Abdul Aziz Ismail. (2006). *Ilmu Tauhid Membentuk Peribadi Mukmin*. Kuala Lumpur: al Risalah Product Sdn. Bhd.
- Abdul Fatah Haron Ibrahim.(2002). *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Kebatinan*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abd Hadi Awang.(1985).*Muqaddimah Aqidah Muslim*. Kuala Lumpur: Penerbit Gedung Gua Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Rukaini.(2001).*Akhlak*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- Al-Qaradawi, Yusof.(1993). *Al-Ibadah Fi Al-Islam*.Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Jazairi, Abu Bakr Jabir.(1986). *Adab Muslim*.Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd. Ann Wan Seng.
- Ann Wan Seng.(2009). *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*.Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Said Ibrahim.(1995).*Aqidah Ahli Sunnah wa Al Jama'ah*. Kuala Lumpur: Dar al-Makrifah.
- Sidek Baba .(2010). *Remaja Islam Kembali Kepada Pemikiran Al-Quran & Sunnah*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Ustazi b. Othman.(2008).*Amaul Husna: Takrif & Fadhilatnya*. Johor Bahru, Perniagaan Jahabersa.

ASJAD MOHAMED, MUHAMMAD MUZAKKIR OTHMAN, MOHD HAFIZ ABDUL WAHAB, NORMILIA ABD WAHID, SHARIFAH NORHUDA SYED WAHID.
Universiti Teknologi MARA (Pahang).
asjad@pahang.uitm.edu.my, ziekir@pahang.uitm.edu.my, hafiz@pahang.uitm.edu.my, normilia@pahang.uitm.edu.my, sha_norhuda@pahang.uitm.edu.my.